

PEJABAT BENDAHARI

Tel : +606 331 6188 | Faks : +606 331 6115

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2Jld.3 (7)
Rujukan Tuan (Your Ref.) :

30 Mei 2013
20 Rejab 1434

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 7 /2013

Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti teknikal Malaysia Melaka,

Assalamualaikum wrt. wbt.

Y.Bhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**TATACARA PEROLEHAN PERKHIDMATAN KEMUDAHAN LATIHAN SECARA
PAKEJ DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan berkaitan Tatacara Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2012 telah dikeluarkan bagi menerangkan mengenai tatacara perolehan perkhidmatan kemudahan latihan secara pakej.
- 2.2 Tatacara perolehan perkhidmatan kemudahan latihan telah dikaji semula dan dikemaskini selaras dengan hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan sistem penyampaian kerajaan yang lebih berkesan.

2.3 Kertas kerja tersebut telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil.1/2013 dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.2/2013.

3.0 TAFSIRAN

3.1 "Latihan" bermaksud proses pemindahan ilmu pengetahuan bertujuan menambah pengetahuan, kemahiran dan sikap yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Ia meliputi konvensyen, kursus, bengkel/retreat, makmal (lab), seminar/taklimat, kolokium, forum, symposium, lawatan rasmi/korporat/sambil belajar, klinik kaunseling dan lain-lain program yang memenuhi definisi latihan.

3.2 "Pakej" bermaksud perolehan yang dibuat dalam satu Pesanan Tempatan merangkumi kombinasi daripada mana-mana item kemudahan latihan seperti penginapan, makanan, dewan, bilik latihan, peralatan dan bahan yang berkaitan dengan latihan daripada penyedia kemudahan latihan yang berkeupayaan dan berkemampuan.

4.0 KAEDAH DAN HAD NILAI PEROLEHAN

4.1 Had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus yang ditetapkan adalah seperti berikut:

Had nilai (bagi setiap Pakej)	Pihak Berkuasa Melulus	Tanggungjawab
Sehingga RM50,000	Jawatankuasa Perolehan Terus Bekalan dan	Memastikan semua urusan berkaitan pelantikan penyedia

	Perkhidmatan PTj	kemudahan latihan mematuhi dasar dan prinsip-prinsip perolehan
Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga	
Melebihi RM500,000	Lembaga Perolehan 'B' atau 'A'	

4.2 Syarat-syarat yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

4.2.1 Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi;

4.2.2 Kajian pasaran dilakukan secara terperinci merangkumi kos sewaan dewan/bilik latihan dan peralatan yang berkaitan latihan untuk mendapatkan harga tawaran yang paling menguntungkan sebelum perkhidmatan diperolehi;

4.2.3 Perolehan tidak hanya tertumpu kepada satu penyedia kemudahan latihan sahaja dalam satu-satu tahun kewangan semasa;

4.2.4 Keutamaan kepada institusi latihan/pusat konvensyen yang dimiliki oleh UTeM atau anak-anak syarikatnya. Institusi latihan/pusat konvensyen yang dimiliki oleh UTeM atau anak-anak syarikatnya adalah dikecualikan daripada berdaftar dengan Kementerian Kewangan;

4.2.5 Keutamaan kepada penyedia kemudahan latihan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang 220210-Perhotelan, bagi perolehan yang melebihi RM50,000; dan

- 4.2.6 Kadar kelayakan bagi penginapan, makan dan minum peserta latihan hendaklah tidak melebihi kadar kelayakan semasa yang berkuat kuasa.
- 4.3 Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Perolehan Terus Bekalan dan Perkhidmatan PTj:
- 4.3.1 Menilai kemampuan penyedia kemudahan latihan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti syarat pembayaran, kadar pembayaran, tempoh, diskaun, harga pasaran terbuka, keupayaan penyedia kemudahan latihan dan lain-lain kriteria yang berkaitan. Perbandingan antara satu tawaran penyedia kemudahan latihan dengan tawaran penyedia kemudahan latihan yang lain hendaklah dibuat berdasarkan kepada faktor atau unsur yang sama.
- 4.3.2 Bagi had nilai yang melebihi RM50,000, Jawatankuasa memperakukan kepada Pihak Berkuasa Melulus, penyedia kemudahan latihan yang layak berdasarkan tawaran yang terbaik dari segi harga dan kualiti mengikut keperluan.
- 4.4 Perolehan kemudahan latihan secara pakej adalah dikecualikan daripada dikenakan Bon Pelaksanaan.
- 4.5 Kontrak formal perlu diwujudkan bagi perolehan perkhidmatan kemudahan latihan secara bersiri dengan penyedia kemudahan latihan yang sama. Bagi perolehan kemudahan latihan secara pakej yang tidak melebihi RM50,000, adalah memadai pesanan tempatan sahaja dikeluarkan kepada penyedia kemudahan latihan yang berkenaan.

5.0 KUATKUASA PEKELILING

- 5.1 Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

Saya yang menurut perintah,



(KHAIRUL BIN TAIB)

Bendahari
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Sab/Perolehan/Pekeliling Bendahari

s.k **Y. Bhg. Prof Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan**
Naib Canselor

Y. Bhg. Prof. Dr. Shahrin Bin Sahib@Sahibuddin
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa

Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Bin Mohd Nor
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi